

Şalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī

Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh

Şalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī, perwira Islam terbilang, amatlah masyhur sejarah perjuangannya di Timur dan di Barat.

Kepada orang-orang Barat, Şalāḥ al-Dīn (atau “Saladin” menurut pelat lidah mereka) terkenal sebagai seorang pahlawan Islam yang telah berjaya menangkis serangan mereka (orang-orang Kristian atau kaum Salib) yang telah bersatu padu dari beberapa kerajaan di benua Eropah – termasuk Inggeris dan Perancis – lalu melanggar “Dunia Islam” dengan tujuan hendak merampas Baitul Maqdis (Jerusalem atau Yerushalyim) tanah suci itu, dan hendak memusnahkan Islam dari akar umbinya sekali.

Kejayaan Şalāḥ al-Dīn yang cemerlang itu, dapat ditatap dalam riwayat yang bersejarah ini.

Kepada orang-orang Timur pula, banyak kitab-kitab tawarikh Islam dan cerita-cerita roman sejarah yang memperikan perjuangannya. Di antaranya ialah Roman sejarah “*Şalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī*” ini karangan pujangga Arab terkenal, Jurji Zaydan.

Karangannya indah dan menarik. Keindahan buah qalam Jurji Zaydan telah digambarkan oleh Dr. Taha Hussein dalam kata-kata sambutannya seperti berikut:

“Kesan dari buah pena Jurji Zaydan, pengasas majalah “*al-Hilal*” itu amatlah besar kepada kesusasteraan dan perpustakaan Arab zaman ini.

“...saya rakamkan di sini bahawa alirannya itu sesungguhnya mengandungi jiwa yang memperhidupkan tawarikh Islam dan kebudayaannya.

“Saya tidak lupa kepada peristiwa semasa saya kecil lalu ke masa muda, apabila saya mulai membaca akan salah satu daripada riwayat-riwayat buah qalam Jurji Zaydan yang bersejarah itu, pantang ditatap sahaja sudah tertawan.....sehingga meruntun jiwa saya kepada berfikir dengan menghabiskan masa yang lanjut”.

Cetakan yang kedua – 4 penggal tamat – sepenggal \$1.00, penggal keempat 50 sen.

Pesannya kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

